

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MENAMA KAWASAN DAN MEMULAKAN
PENANAMAN CERUCUK RANCANGAN
PERUMAHAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH
DI BUKIT GELUGOR PERINGKAT KE DUA,
PULAU PINANG, PADA HARI ISNIN
26HB. JUN, 1978 - JAM 5.00 PETANG.

1. Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu,
Ketua Menteri Pulau Pinang.
2. Yang Berusaha Setiausaha Kerajaan.
3. Tetamu-tetamu Khas,
4. Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khusus kepada Dr. Lim Chong Eu, kerana memberi penghormatan kepada saya menama, dan seterusnya memulakan penanaman cerucuk Rancangan Perumahan Rumah Pangsa

Bukit Gelugur. Peringkat Kedua, pada petang ini.

2. Tapak rancangan perumahan ini, terletak dalam satu kawasan yang strategik. Sebuah Sekolah Menengah telah pun berada di kawasan ini. Kampus Universiti Sains Malaysia, juga tidak jauh dari sini. "Entry-point" ke Jambatan Pulau Pinang/Prai yang akan dibina, dan juga jalan ke Pesta, melalui kawasan ini.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada Dr. Lim Chong Eu, di atas pandangan jauhnya,

memilih kawasan ini sebagai kawasan perumahan, bagi rakyat berpendapatan rendah. Dengan adanya berbagai kemudahan yang telah dirancang, bagi faedah dan kesenangan penghuni-penghuni rumah di kawasan ini, maka tempat ini, akan menjadi lebih terkemuka lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Kerajaan Barisan Nasional adalah menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Proses pemilikan adalah bergantung

kepada dua faktor yang besar, yaitu kemampuan kewangan bagi maksud pembekalan rumah-rumah dan bahan-bahan binaan yang mencukupi, dan juga kemampuan rakyat sendiri. Kerajaan

Barisan Nasional telah dan sedang mer

langkah-langkah, untuk memperbanyakkan lagi bekalan rumah-rumah, menerusi usaha sektor awam, di samping menggalakkan persaingan yang sehat di kalangan pihak swasta, supaya harganya stabil atau tidak naik dengan cepat. Usaha-usaha juga sedang dijalankan, untuk mempertingkatkan kemampuan rakyat, supaya

mereka berpeluang membeli rumah-rumah tersebut.

5. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Barisan Nasional telah menyediakan

peruntukan sebanyak \$468,730,000 yang diberi

pinjam kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk membina 60,821 buah rumah awam kos rendah.

Sehingga akhir bulan Mei lalu, peruntukan sebanyak \$288,447,000 telah diluluskan kepada Negeri-Negeri, untuk membina 34,276 yunit rumah. Dari jumlah ini, sebanyak 7,818 unit rumah telah pun siap dibina. Adalah diharapkan bahawa, matalamat

bilangan yunit yang ditetapkan itu, akan dapat dicapai sebelum berakhir Rancangan Malaysia Ketiga ini. Rumah-rumah awam kos rendah ini, adalah dijual kepada golongan rakyat berpendapatan rendah, yang layak dan benar-benar memerlukannya.

6. Selain daripada itu, Kerajaan Barisan Nasional juga telah mengadakan berbagai kemudahan dan galakan, dalam usahanya mewujudkan kemampuan di kalangan penduduk, supaya dapat mereka merebut peluang memiliki rumah. Dalam

segi kewangan, selain daripada peruntukan yang disediakan, Kerajaan Barisan Nasional telah juga menyediakan tabung-tabung pinjaman kepada individu-individu bagi maksud perumahan gulungan berpendapatan rendah, dengan kadar faedah yang rendah. Ini termasuklah tabung pusingan sebanyak \$10 juta ringgit, yang

diletak dibawah kelolaan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Kerajaan juga menyediakan wang pusingan sebanyak \$400 juta, yang dikelolakan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad.

7. Bagi menampung kehendak-kehendak golongan yang berpendapatan sederhana pula, perniagaan adalah dikehendaki mengkhaskan pinjaman bagi maksud perumahan, dengan kadar faedah yang terkawal. Galakan dan langkah-langkah kawalan secara tidak langsung, melalui proses pentadbiran, telah diambil, supaya pemaju-pemaju swasta, membina rumah-rumah kos sederhana, disamping membina lebih banyak lagi rumah-rumah harga rendah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Sehingga akhir bulan Mei ini, pemaju-pemaju swasta telah diberi kebenaran untuk membina sebanyak 84,741 yunit rumah. Semenjak bermulanya Rancangan Malaysia Ketiga,

adalah dianggarkan sebanyak 56,375 yunit telah siap sehingga akhir bulan Mei 1978.

Adalah dijanqkakan matlamat pembinaan 100 ribu yunit rumah dari pihak swasta dibawah

Rancangan Malaysia Ketiga ini, akan dicapai

sebelum berakhirnya tempoh Rancangan Malaysia

K e t i g a . Peruntukan-peruntukan adalah juga

..10/-

disediakan bagi agensi-agensi Kerajaan, seperti Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, membina rumah-rumah harga sederhana ini, dengan mengambil keuntungan yang minima.

9. Mengenai dengan rancangan-rancangan masa depan, Kerajaan Barisan Nasional akan terus menjalankan usaha-usahanya, bagi menambahkan bilangan rancangan dan projek lagi / perumahan, terutamanya rumah-rumah kos rendah. Diantara rancangan-rancangan yang akan dijalankan, ialah mengadakan satu pengkajian yang dinamakan "integrated sites

and services study" yang bertujuan, secara amnya, untuk mengkaji dan mendahului rekabentuk rumah kos rendah yang sesuai untuk negara ini, dalam lingkungan kemampuan rakyat yang berpendapatan rendah, serta perkhidmatan-perkhidmatan yang harus disediakan.

10. Dengan jalan ini, maka dapatlah disediakan pelan-pelan dan rekabentuk seragam bagi beberapa jenis rumah kos rendah, untuk kegunaan dan panduan negeri-negeri dan agensi-agensi Kerajaan, bagi mengurangkan kos binaan,

dan melicin serta mempercepatkan projek-projek perumahan awam. Pertimbangan akan diberikan juga, untuk mengemaskinikan undang-undang yang berkaitan dengan pembinaan dan perumahan, antaranya, mendapatkan kepadatan rumah-rumah yang lebih tinggi, Dengan jalan ini, di samping dapat mengurangkan kos binaan, lebih banyak rumah-rumah dapat diadakan dalam masa yang seberapa singkat.

11. Penyelidikan adalah merupakan satu aspek yang penting, mengenai perumahan dan bangunan, Menyedari hakikat inilah, maka

Kerajaan Barisan Nasional bercadang akan menubuhkan satu institusi penyelidikan, yang akan bertanggungjawab, bukan sahaja bagi menjalankan penyelidikan, tetapi juga mengumpulkan bahan-bahan penyelidikan, mengenai perumahan dan bangunan, yang mungkin telah dijalankan oleh institusi-institusi lain di negara ini.

12. Sebagaimana yang dinyatakan pada mula-mula tadi, samada sesorang itu mampu

mempunyai rumah sendiri, adalah satu faktor yang penting. Dalam hubungan ini, secara amnya, Kerajaan Barisan Nasional berazam akan menambah peluang-peluang pekerjaan, supaya pendapatan penduduk akan bertambah, dan dengan itu, keupayaan mereka memiliki rumah akan juga meningkat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Selain dari itu, pertimbangan akan diberikan juga untuk menambahkan lagi peruntukan bagi rancangan perumahan awam kos rendah

bagi beberapa tahun akan datang, supaya dapat menampung keperluan rakyat golongan ini.

Sebagaimana yang saya selalu tegas dan jelaskan dalam beberapa hari ini, Barisan Nasional mempunyai penuh azam melaksanakan berbagai projek dan rancangan, bagi meninggikan lagi taraf ekonomi, serta membaiki lagi keadaan hidup rakyat.

14. Kerajaan Persekutuan dan Barisan

Nasional Pusat, mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan kepada pucok pimpinan Dr. Lim Ghong Eu.

Kalau kita di beri mandat lagi,

Insya Allah, dengan bantuan Kerajaan Persekutuan,

Negeri Pulau Pinang akan menjadi lebih maju dan makmur lagi, dan rakyatnya dari berbilang kaum, dapatlah menikmati hidup yang lebih selesa dan bahagia lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, melahirkan ucapan berbilang terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, kerana memberi izin menamakan kawasan ini sempena namanya. Inilah sebaik-baik balasan yang dapat diberikan, sebagai menghormati

seorang Negarawan yang terkemuka di tanah air. Memandangkan kepada pentingnya kedudukan kawasan ini, penghormatan menamakan Rancangan Perumahan ini, dengan nama Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, amatlah tepat dan sesuai. Lebih-lebih lagi bagi mengingati khidmat bakti dan jasa cemerlang, yang telah dicurahkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu kepada negara.

16. Akhirnya, saya mendo'akan semoga Allah Subhanahu Wataala, mencucuri rahmat kepada sekelian penghuni rumah di kawasan ini, serta

diberi perlindungan dan keselamatan kepada mereka, serta juga kepada sekelian pengusaha dan pekerja dalam kawasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

17. Dengan ini, saya, dengan nama Allah yang maha pemurah, lagi maha penyayang, *menamakan kawasan ini sebagai TAMAN TUN SARDUN, dan seterusnya, memulakan penanaman cerucuk yang pertama, bagi menandakan pembinaan Rumah-Rumah Pangsa Kos Rendah, di Bukit Gelugor, Peringkat Kedua.

Terima kasih.



No. Siri	374
No. Penerimaan	39/79